

BULLETIN

Jabatan Laut Malaysia

MEI 2021
EDISI 05



PKP 3.0 !

Selamat Hari Raya
Aidilfitri 1442H/2021M
Maaf Zahir & Batin.



Selamat Menyambut
HARI WESAK 2021
kepada semua penganut
agama Buddha

SELAMAT MENYAMBUT HARI
PEKERJA
1 MEI 2021.

"PEMBUDAYAAN NORMA BA HARU, DALAM DUNIA
PEKERJAAN SEJAGAT"



Bersama
Hentikan
Wabak
Covid-19

#LindungDiriLindungSemua



Jabatan Laut
Malaysia



jabatanlaut



@lautmy



Isi kandungan

03 info menarik

Kronologi darurat di Malaysia

04 Covid 19 Vaksinasi

CAKNA JLM

- 05 KUNJUNGAN HORMAT & LAWATAN
- 06 PROGRAM & BENGKEL
- 09 PENGUATKUASAAN DAN OPERASI

13 MEDIA

- INSIDEN PELANTAR MINYAK(RIG)VELESTO NAGA 7 TENGGELAM DI PERAIRAN MIRI, SARAWAK, MALAYSIA.
- STATUS TEKINI BAJ BUNKER –SINGA TIARA BERPENDAFTARAN MALAYSIA TERBAKAR DI JETI SIN SOON HOCK, GAT LEBUH MACALLUM
- RUANG ENJIN SEBUAH FERI PENUMPANG - STARCITY 6 BERPENDAFTARAN MALAYSIA TERBAKAR
- ISU KEKELIRUAN SOP COVID-19 DI KAWASAN PELABUHAN
- NOTIS PENUTUPAN IBU PEJABAT LAUT, JABATAN LAUT MALAYSIA PELABUHAN KLANG

- PENUTUPAN TERMINAL FERI PENUMPANG KUALA KEDAH, KEDAH DARUL AMAN DISEBABKAN (PKPD) DI MUKIM KOTA SETAR DARI TEMPOH 19 MEI 2021 SEHINGGA 1 JUN 2021

15 SuDut KreaTif

Fakta APA ITU VAKSIN?...

16 Baca/Read

Tips Merawat Tekanan & Membuang Stress Jauh dari Kehidupan Anda

17 Dapur JLM RESEPI HARIMAU MENANGIS

Ketua Editor
Muhammad
Shuhaimi Bin
Abd Rahman



Norhayati
Binti
Ibrahim



Egbert
Adolf
Naintin



Reeta
Francis

Penasihat
YBhg Dato' Haji
Baharin Bin
Dato' Abdul Hamid



Sharifah
Taherah Binti
Shabbir
Ahmad



Muhammad
Zulhafeez
Bin Shaidin



Asrul Hafandi
Bin Awang
Haji



Siti
Norparlila
Binti
Sidek



Tahukan anda!

info Menarik

Pengisytiharan Proklamasi Darurat dilaksanakan sehingga 1 Ogos sebagai langkah proaktif membendung wabak COVID-19 di Malaysia adalah darurat yang kesembilan pernah diisytiharkan dalam sejarah negara. Berikut adalah kronologi pengisytiharan darurat:

1 Darurat Tanah Melayu (1948-1960)

Darurat Tanah Melayu diisytiharkan British di Malaya (Semenanjung Malaysia) dari tahun 1948 hingga 1960 bagi menangani pemberontakan oleh Parti Komunis Malaya (PKM).

2 Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1964)

Konfrontasi Indonesia-Malaysia adalah konflik yang berlaku akibat penentangan Indonesia terhadap pembentukan Malaysia. Perdana Menteri Malaysia pertama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengisytiharkan darurat apabila tentera Indonesia menceroboh masuk ke sempadan Malaysia.

3 Sarawak (1966)

Kerajaan mengisytiharkan proklamasi Darurat di Sarawak pada 14 September 1966 susulan krisis politik membabitkan Kerajaan Persekutuan dan Ketua Menteri Sarawak pertama Tan Sri Stephen Kalong Ningkan.

4 Rusuhan Kaum 13 Mei (1969)

Peristiwa 13 Mei adalah insiden rusuhan kaum pada tahun 1969 susulan pilihan raya umum Malaysia pada tahun itu. Parlimen digantung dan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan untuk mengembalikan keamanan dan kestabilan di dalam negara.

5 Kelantan (1977)

Darurat diisytihar oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Yahya Petra yang juga Sultan Kelantan ketika itu pada 8 November 1977.

Pengisytiharan itu dibuat susulan krisis politik membabitkan Menteri Besar Kelantan Datuk Muhammad Nasir.

-Sumber : BERNAMA

6 Jerebu (1997, 2005, 2013)

Selain darurat yang berpunca daripada isu politik dan konflik antara kaum, darurat jerebu juga pernah diisytihar pada 1997 (Sarawak), 2005 (Klang) dan 2013 (Muar dan Ledang). Darurat itu dilaksanakan susulan pencemaran udara yang berbahaya dan tidak sihat.

7 Darurat Parlimen Batu Sapi (2020)

Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah mengisytiharkan darurat di Parlimen Batu Sapi pada 18 November 2020.

Pengisytiharan itu sekali gus membatalkan pilihan raya kecil (PRK) Parlimen Batu Sapi bagi mengekang dan menghalang berlakunya gelombang keempat penularan pandemik COVID-19.

8 Darurat Parlimen Gerik dan DUN Bugaya (2020)

Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan mengisytiharkan Proklamasi Darurat di Parlimen Gerik, Perak dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bugaya, Sabah pada 16 Disember 2020. Ia sekali gus membatalkan dan menangguhkan pilihan raya kecil (PRK) dua kerusi berkenaan yang dijadualkan serentak pada 16 Jan 2021.

9 Pengisytiharan Proklamasi Darurat (2021)

Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada 12 Jan memberi perkenan Pengisytiharan Proklamasi Darurat dilaksanakan sehingga 1 Ogos sebagai langkah proaktif membendung wabak COVID-19 di Malaysia.

Al-Sultan Abdullah turut berkenan dengan cadangan kerajaan bagi pembentukan satu Jawatankuasa Bebas yang akan mengesyorkan kepada Seri Paduka Baginda sekiranya pelaksanaan darurat ini dapat ditamatkan lebih awal.

VACCINE

#kitajagakita

#kitajaganegara

#lindungdirilindungsemua

Wilayah Sabah



Wilayah Timur



Wilayah Utara



Kunjungan Hormat & Lawatan

PENYAMPAIAN HAMPER AIDILFITRI KEPADA PEGAWAI DAN KAKITANGAN VESSEL TRAFFIC SYSTEM (VTS)



7 Mei 2021, Ibu Pejabat, Jabatan Laut Malaysia (Bangunan VTS)

YBhg Dato' Hj Baharin bin Dato' Abdul Hamid, Ketua Pengarah Laut selaku Penaung KSKIPL telah berbesar hati untuk menyampaikan hamper Aidilfitri kepada pegawai dan kakitangan Vessel Traffic System (VTS) yang akan bertugas sewaktu sambutan Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba nanti.

PENYAMPAIAN JUADAH BERBUKA PUASA DAN SUMBANGAN KUIH RAYA AIDILFITRI KEPADA PEGAWAI DAN KAKITANGAN JLM WILAYAH UTARA

10 Mei 2021, Gelugor, Pulau Pinang, Wilayah Utara - Petugas Jabatan Laut Malaysia (JLM) Wilayah Utara dari negeri-negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak yang dijadualkan bertugas memberi perkhidmatan kepada komuniti maritim semasa Hari Raya Aidil Fitri 2021 pada 13 Mei 2021 (Khamis) 2 hari lagi menerima sumbangan kuih raya dari Ikhtisas Kelautan Malaysia (IKMAL) - Association of Malaysia's Maritime Professionals, sebuah badan maritim profesional yang ditubuhkan sejak tahun 1985 untuk semua yang terlibat atau berkaitan dengan industri maritim di Malaysia.

Serentak dengan itu, Kelab Sukan dan Kebajikan Wilayah Utara juga mengedarkan juadah berbuka puasa kepada semua petugas JLM sempena menyambut kedatangan Hari Raya tersebut.



LAWATAN KERJA BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI JLM WILAYAH SELATAN



13 Mei 2021, Johor - En Noreain bin Bachok selaku wakil rasmi YBrs. Tuan Haji Dickson Dollah, Pengarah Laut Wilayah Selatan melakukan lawatan tersebut di 3 buah Pejabat Laut (Pasir Gudang, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Mersing) dan VTS turut menyampaikan bungkusan kuih raya kepada kakitangan yang bertugas pada hari tersebut.



YBHG DATO' HJ. BAHARIN BIN DATO' ABDUL HAMID, KETUA PENGARAH LAUT, JABATAN LAUT MALAYSIA MENGHADIRI SESI MAJLIS DIALOG DI ANTARA AHLI-AHLI MASA DENGAN JABATAN LAUT MALAYSIA DAN AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA MENGENAI PENAHANAN KAPAL DIBAWAH SEKSYEN 491B (1) ORDINAN PERKAPALAN SAUDAGAR 1952

4 Mei 2021, Pejabat Sekretariat MASA, W.P. Putrajaya - Objektif utama sesi ini diadakan adalah untuk mendapatkan pencerahan mengenai isu penahanan kapal-kapal atas kesalahan "Jangkar (anchoring) Tanpa Kebenaran" dibawah Seksyen 491B (1) Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dan Notis Perkapalan Malaysia 05/2014 di perairan Johor. Penjelasan pelaksanaan Seksyen 491B (1) Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dan Notis Perkapalan Malaysia 05/2014 turut disentuh didalam sesi dialog ini berserta informasi tentang kawasan jangkar yang dibenarkan, sijil-sijil kebenaran, jenis-jenis larangan dan lain-lain perkara.



4 Mei 2021, Dewan Ibu Pejabat Laut Wilayah Timur, Kuala Terengganu- Urusetia yang terlibat terdiri daripada Pegawai dan kakitangan dari BPTBP, BOM dan BKHP, JLM Wilayah Timur.



SESI LATIHAN E-NAVIGATION



3 Mei 2021, Georgetown, Pulau Pinang - Kedua-dua Timbalan Pengarah Laut (Pengurusan) dan (Operasi) Wilayah Utara bersama-sama semua Ketua Bahagian dan semua Ketua Pejabat Laut Wilayah Utara beserta pegawai masing-masing menjalani latihan e-Navigation - satu strategi International Maritime Organization (IMO) bagi mempertingkatkan pengurusan serta kawal selia data dan komunikasi perkapalan serta pelabuhan secara elektronik.



SESI TAKLIMAT PEROLEHAN TENDER BAGI PEMBAIKAN DAN PENYELENGGARAAN NAIK GALANGAN (DOCKING) KAPAL MV SAIPH UNTUK LEMBAGA DIUS API, JABATAN LAUT MALAYSIA



— Program & Bengkel —



MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL PLANMALAYSIA NEGERI TERENGGANU



6 Mei 2021, Bilik Mesyuarat Rancang, PLANMalaysia Negeri Terengganu, Kuala Terengganu - . Wakil Jabatan Laut Malaysia diketuai oleh Pn Nor Bahirah Binti Muhd Razali (Ketua Bahagian Pengurusan Trafik Dan Bantuan Pelayaran, Jabatan Laut Malaysia Wilayah Timur) dan 2 pegawai lain turut hadir bersama iaitu En. Mohd Tarmizi Bin Wahi@Awang dan En. Md Rizal Bin Yusof.

ia diadakan bertujuan untuk mendapatkan kebenaran merancang bagi pembinaan semula Tandarah Suar Pulau Batu Bara, Daerah Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman.



SESI LIBATURUS BERKENAAN TINDAKAN MENCEGAH KEMASUKAN VARIAN BAHARU COVID-19 DARI INDIA DARI MENULAR KE DALAM MALAYSIA



3 Mei 2021, Butterworth, Pulau Pinang, Wilayah Utara- Ketua Pejabat Laut Pulau Pinang mengadakan engagement bersama Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP), operator pelabuhan Penang Port Sdn Bhd (PPSB), Pejabat Kesihatan Pintu Masuk Antarabangsa, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Pulau Pinang serta stakeholders Pelabuhan Pulau Pinang yang lain mengenai tatacara pelaksanaan keputusan Sidang Khas MKN berkenaan tindakan mencegah kemasukan varian baharu COVID-19 dari India dari menular ke dalam Malaysia.



PROGRAM FOUR IN ONE COURSE IN ISO 9001:2015 - AWARENESS, UNDERSTANDING, IMPLEMENTING AND CERTIFICATION ANJURAN SIRIM STS SDN BHD

6 - 7 Mei 2021, Seberang Jaya, Pulau Pinang, Wilayah Utara - Pengarah Laut Wilayah Utara, Timbalan Pengarah Laut (Operasi) Wilayah Utara bersama-sama kesemua Ketua Pejabat Laut dari 4 Negeri di Wilayah Utara menghadiri program Four in One Course in ISO 9001:2015 - Awareness, Understanding, Implementing and Certification anjuran SIRIM STS Sdn Bhd. Kursus yang dijayakan dengan kerjasama MATRAIN ini merupakan keperluan bagi meningkatkan kefahaman pegawai-pegawai kanan Wilayah Utara dalam pelaksanaan ISO 9001:2015 di dalam operasi harian Jabatan Laut Malaysia (JLM). JLM telah menerima persijilan ISO 9001:2015 pada tahun 2019 dan telah lulus cemerlang semasa Surveillance Audit 2 yang dijalankan pada bulan Mac 2021 yang lalu.





AGIHAN BUBUR LAMBUK IPL JABATAN LAUT MALAYSIA

27 April 2021, 4 Mei 2021 dan 6 Mei 2021, Ibu Pejabat, Jabatan Laut Malaysia - Sempena bulan Ramadhan 1442H/2021M, Jawatankuasa Induk Kelab Sukan & Kebajikan Ibu Pejabat Laut Malaysia (KSKIPL) membuat edaran bubur lambuk kepada kesemua ahli KSKIPL serta kepada masyarakat setempat yang berada disekitar kawasan Pelabuhan Klang, Selangor.



PEMERIKSAAN MENGEJUT AP308 JLM WILAYAH SELATAN

14 Mei 2021, Pejabat Laut Mersing - Seramai 3 orang anggota hadir bertugas dan memberikan kerjasama yang baik di sepanjang pemeriksaan tersebut yang dilakukan oleh En. Noreain bin Bachok, Penolong Pengarah (BKHP).



JLM MEMBANTU PERTUKARAN PETUGAS DAN BEKALAN OPS BENTENG

14 Mei 2021, Terminal Feri Penumpang Kuala Perlis, Wilayah Utara - Petugas Jabatan Laut Malaysia (JLM) Kuala Perlis membantu petugas Operasi BENTENG (Op BENTENG) Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dari cawangan Pasukan Gerakan Am (PGA) Negeri Kedah menjalankan pertukaran anggota dan barang keperluan di Terminal Feri Penumpang ini bagi menggantikan petugas di perairan sempadan Negara. Ketika seluruh Negara merayakan Hari Raya Aidil Fitri 2021 semalam pada 13 Mei 2021 (Jumaat), petugas kawalan sempadan Negara ini telah berjaya menangkap tujuh (7) orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dari mencero bohi sempadan.



Penguatkuasaan & Operasi



TUGASAN KAWAL SELIA JETI FERI PENUMPANG KUALA KEDAH

1 Mei 2021, Terminal Feri Penumpang Kuala Kedah, Kedah, Wilayah Utara - Petugas-petugas Jabatan Laut Malaysia (JLM) dari Pejabat Laut Kuala Kedah, Daerah Kota Setar meneruskan tugas kawal selia feri penumpang yang menggunakan Terminal tersebut pada hari pertama Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Daerah Kota Setar. PKP dilaksanakan ke atas 5 Daerah di negeri Kedah iaitu Kota Setar, Kuala Muda, Bandar Baharu, Baling dan Kulim berkuat kuasa mulai 1 - 14 Mei 2021. 1 Mei 2021 juga merupakan Hari Pekerja 2021 yang merupakan Cuti Umum seluruh Negara.

LESEN BOT PENUMPANG



5 Mei 2021, Sungai Pinang, Had Pelabuhan Pulau Pinang, Wilayah Utara -Pasukan Pemeriksa Kapal dari Pejabat Perlesenan Pulau Pinang, Jabatan Laut Malaysia (JLM) menjalankan pemeriksaan ke atas bot PPP 02484P dengan tujuan untuk pembaharuan Lesen Bot Penumpang.



8 Mei 2021, Jeti Jesselton Kota Kinabalu. Pemantauan adalah dengan kerjasama Bahagian Operasi Maritim & Pejabat Laut Cawangan Kota Kinabalu.

PEMANTAUAN JETI JESSELTON KOTA KINABALU



PEMERIKSAAN KAWALAN NEGARA BENDERA (FLAG STATE CONTROL - FSC) KE ATAS BOT MENANGKAP IKAN FAJAR 17 BERPENDAFTARAN MALAYSIA YANG BEROPERASI MENANGKAP IKAN TUNA DI LAUTAN HINDI

5 Mei 2021, Had Pelabuhan Pulau Pinang, Wilayah Utara - Malaysia merupakan ahli Indian Ocean Tuna Commission (IOTC) dan bot menangkap ikan berpendaftaran Malaysia mempunyai hak untuk menangkap ikan di Lautan tersebut.



PEMERIKSAAN KAWALAN NEGARA BENDERA (FLAG STATE CONTROL - FSC) KE ATAS FERI ROLL ON ROLL OFF (RORO) - LANGKAWI AUTO EXPRESS 1 YANG BERPENDAFTARAN MALAYSIA

7 Mei 2021, Had Pelabuhan Kuala Perlis, Wilayah Utara - Feri ini merupakan salah satu dari beberapa feri RORO yang memberi perkhidmatan di laluan pelayaran Kuala Perlis - Pulau Langkawi dan ia terus beroperasi secara berterusan sebagai Essential Services membawa kenderaan dan penumpang di laluan ini walaupun perkhidmatan feri penumpang biasa yang lain dikurangkan semasa pandemik COVID-19 bermula di Malaysia sejak Mac 2020.



SESI AUDITAN KOD ISM BAGI PROSES SEMAKAN DOKUMEN (PERMOHONAN BARU) UNTUK PENGELUARAN SIJIL INTERIM DOKUMEN KEPATUHAN (DOC INTERIM) KE ATAS SYARIKAT EO OFFSHORE SERVICES SINGAPORE PTE LTD

10 Mei 2021, Jabatan Laut Wilayah Timur - Sesi telah diadakan secara telesidang. Juruaudit yang terlibat adalah dari Pegawai Laut, Jabatan Laut Malaysia Wilayah Timur.

OPERASI SANITASI AWAM DI TERMINAL FERI PENUMPANG PULAU PERANGINAN

10 Mei 2021, Pangkor Pulau Bebas Cukai, Perak, Wilayah Utara - Ketua Pejabat Laut Pulau Pangkor dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat menjalankan operasi sanitasi awam di Terminal Feri Penumpang Pulau Peranginan tersebut sebagai persediaan menghadapi Cuti Umum Hari Raya Aidil Fitri 2021 pada 13 Mei 2021 (Khamis) akan datang. Sehingga 10 Mei 2021, Pangkor Pulau Bebas Cukai yang terletak di dalam daerah Manjung tidak mempunyai sebarang kes baru pandemik COVID-19 dan dijangka akan menerima ramai pengunjung tempatan dari dalam daerah Manjung semasa Cuti Umum tersebut.




PEMERIKSAAN KE ATAS 2 KAPAL MENANGKAP IKAN TUNA MARINERS 7 (PENDAFTARAN MALDIVES) DAN SHENG JIN FONG (PENDAFTARAN CHINA)

11 Mei 2021, Had Pelabuhan Pulau Pinang, Wilayah Utara - Pasukan Pemeriksa Kapal dari Bahagian Kawalan Industri Maritim (BKIM) Wilayah Utara menjalankan pemeriksaan ke atas 2 kapal menangkap ikan tuna MARINERS 7 (pendaftaran Maldives) dan SHENG JIN FONG (pendaftaran China) yang memerlukan Certificate of Height Measurement untuk belayar di bawah Jambatan Pertama dan Jambatan Ke-2 Pulau Pinang. Pengeluaran sijil oleh Pemeriksa Kapal ini adalah selaras dengan keperluan Penang Port (Navigation Within The Area Of The Bridge) Rule 1986.

—Penguatkuasaan & Operasi—



PERKHIDMATAN JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) - PEMERIKSAAN KAPAL NEGARA BENDERA (FLAG STATE CONTROL INSPECTION - FSC) TETAP DITERUSKAN KETIKA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 BERKUATKUASA 12 MEI - 7 JUN 2021



17 Mei 2021, Had Pelabuhan Pulau Pinang, Wilayah Utara - Pasukan Pemeriksa Kapal Ketua Pejabat Laut Pulau Pinang dan Bahagian Operasi Maritim (BOM) JLM menjalankan pemeriksaan Kawalan Negara Bendera (Flag State Control - FSC) ke atas kapal Cutter Suction Dredger (CSD) INAI SAGA berpendaftaran Malaysia yang sedang beroperasi mendalamkan laluan pelayaran di dalam Had Pelabuhan tersebut. Status North Butterworth Container Terminal (NBCT) yang diluluskan sebagai Free Trade Zone pada 1 Februari 2021 dijangka menyaksikan lebih banyak kapal kontena datang ke Terminal tersebut untuk menikmati fasiliti FTZ seperti breakbulk, re-pakej, re-label dan re-eksport ke luar Negara.

23 Mei 2021, Kemaman, Wilayah Timur - Perlaksanaan proses semakan dokumen security assessment (SA) dan security plan (SP) bagi tujuan pembaharuan Pernyataan Kepatuhan (Statement of Compliance) ISPS terhadap Kemudahan Pelabuhan Kemaman Liquid Chemical Berth, Kemaman telah diadakan secara telesidang.

Juruaudit yang hadir dalam sesi ini terdiri daripada Pegawai Laut, Jabatan Laut Malaysia Wilayah Timur dan MFSO Kemaman Liquid Chemical Berth.

Pelaksanaan varifikasi ini selaras dengan keperluan Seksyen 249k dan 249d (2), OPS 1952 dan ISO 9001:2015 (BKIM).

PELAKSANAAN VARIFIKASI PEMBAHARUAN PERNYATAAN KEPATUHAN (STATEMENT OF COMPLIANCE) ISPS TERHADAP KEMUDAHAN PELABUHAN KEMAMAN LIQUID CHEMICAL BERTH, KEMAMAN



29 Mei 2021, Langkawi - DA JLM - YBhg Dato' Ketua Pengarah Laut Malaysia benarkan permohonan 198 kru kapal perang frigate kelas La-Fayette Tentera Laut Perancis - SURCOUF jejak kaki di Marine Facility (MF) Star Cruise Jetty Langkawi atas faktor kemanusiaan kerana masih belum jejak daratan sejak tinggalkan Perancis pada Februari 2021.

Kawal selia dijalankan oleh Marine Transport Security Officer (MTSO) - Ketua Pejabat Laut Langkawi bersama agensi keselamatan berkaitan mengikut Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.

DESIGNATED AUTHORITY (DA) JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) BENARKAN KRU KAPAL PERANG FRIGATE PERANCIS - SURCOUF JEJAK KAKI DI MARINE FACILITY (MF) STAR CRUISE JETTY LANGKAWI ATAS SEBAB KEMANUSIAAN



Penguatkuasaan & Operasi



PEMATUHAN 50% PENUMPANG DI - JABATAN LAUT WILAYAH TIMUR

26 Mei 2021, Wilayah Timur - JLM telah mematuhi arahan kerajaan untuk mengurangkan kapasiti penumpang kepada 50% dan melaksanakan penjarakan sosial untuk setiap perkhidmatan feri.



PEMATUHAN 50% KAPASITI PENUMPANG WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



26 Mei 2021, W.P. Labuan - Jabatan Laut Malaysia (JLM) Wilayah Persekutuan Labuan telah Mengeluarkan arahan kepada Pihak Pengusaha Feri tentang pematuhan 50% kapasiti penumpang yang dibenarkan dan pengurangan jadual perjalanan kapal yang beroperasi di Terminal Feri Roro. Pihak JLM W.P Labuan turut menasihati agar Pihak Pengusaha Feri memastikan penumpang Feri senantiasanya mematuhi Standard Operation Prosedur (SOP) yang telah ditetapkan.



PENGUSAHA FERI RORO PATUHI SEKATAN TAMBAHAN SOP PERKHIDMATAN FERI PENUMPANG BERJADUAL SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0

26 Mei 2021, Had Pelabuhan Kuala Perlis, Perlis, Wilayah Utara - Tinjauan pelaksana Ketua Pejabat Laut Kuala Perlis, Jabatan Laut Malaysia (JLM) ke atas feri RORO yang memberi perkhidmatan di laluan Kuala Perlis - Pulau Langkawi mengesahkan bahawa perkhidmatan feri RORO tersebut mematuhi sekatan tambahan SOP Perkhidmatan Berjadual Feri Penumpang yang berkuat kuasa sepanjang tempoh PKP 3.0 mulai 25 Mei sehingga 7 Jun 2021 atau sebarang tarikh lain yang diumumkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa bagi memutuskan rantaian jangkitan pandemik COVID-19.

Di dalam sekatan tambahan SOP tersebut, kapasiti penumpang dihadkan kepada 50% kapasiti maksimum penumpang sesebuah feri dan terdapat 3 jadual perjalanan feri RORO setiap hari yang memberi Perkhidmatan Perlu (Essential Services) di laluan Kuala Perlis - Pulau Langkawi tersebut.



THE NEWS

05 MEI 2021



JABATAN LAUT MALAYSIA

SIARAN MEDIA JABATAN LAUT MALAYSIA

**INSIDEN PELANTAR MINYAK (RIG) VELESTO NAGA 7 TENGCELAM DI PERAIRAN MIRI,
SARAWAK, MALAYSIA.**

SARAWAK - Jabatan Laut Malaysia (JLM) melalui Jabatan Laut Wilayah Sarawak telah mengesahkan menerima satu laporan insiden membabitkan sebuah pelantar minyak **VELESTO NAGA 7** berpendaftaran Panama telah tenggelam di Latitud 04°41'46.75" & Longitud 111°41'16.37" di Perairan Sarawak kira-kira jam 2.45 petang, 03 Mei 2021. Jarak antara pelantar minyak tersebut dengan Miri adalah kira-kira 139NM.

UNTUK SIARAN SEGERA



JABATAN LAUT MALAYSIA

SIARAN MEDIA JABATAN LAUT MALAYSIA

05 MEI 2021

**STATUS TEKINI BAJ BUNKER - SINGA TIARA BERPENDAFTARAN MALAYSIA TERBAKAR DI
JETI SIN SOON HOCK, GAT LEBUH MACALLUM**

GEORGETOWN, PULAU PINANG - Jabatan Laut Malaysia (JLM) melalui Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara memantau rapat perkembangan terkini insiden sebuah Baj Bunker - SINGA TIARA berpendaftaran Malaysia yang terbakar di Jeti Sin Soon Hock, Gat Lebu Macallum pada kira-kira jam 4.00 petang, 03 Mei 2021.

11 MEI 2021



JABATAN LAUT MALAYSIA

SIARAN MEDIA JABATAN LAUT MALAYSIA

RUANG ENJIN SEBUAH FERI PENUMPANG - STARCITY 6 BERPENDAFTARAN MALAYSIA TERBAKAR

KUALA KEDAH, KEDAH, WILAYAH UTARA - Ruang enjin sebuah feri penumpang - STARCITY EXPRESS NO. 6 berpendaftaran Malaysia terbakar sejurus sebelum berlepas dari Terminal Feri Penumpang Kuala Kedah lebih kurang jam 4 petang sebentar tadi. Hasil maklumat petugas JLM, 1 jentera dari Pasukan Bomba Sukarela Kuala Kedah tiba lebih awal bagi memulakan operasi memadam kebakaran dan diselesaikan oleh 1 lagi jentera Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kedah yang tiba sejurus kemudian. Kebakaran dikawal sepenuhnya pada jam 4.40 petang dan pemantauan diteruskan sehingga jam 5.30 petang.

THE NEWS

14 MEI 2021



JABATAN LAUT MALAYSIA

**SIARAN MEDIA
JABATAN LAUT MALAYSIA**

ISU KEKELIRUAN SOP COVID-19 DI KAWASAN PELABUHAN

PELABUHAN KLANG - Jabatan Laut Malaysia (JLM) sentiasa mengikuti rapat arahan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 oleh kerajaan yang telah berkuatkuasa pada 12 Mei sehingga 7 Jun 2021. Sehubungan itu, segala tatacara dan prosedur operasi standard (SOP) sentiasa dikemaskini bagi memastikan operasi dan perjalanan sistem pengangkutan maritim berkaitan para pelaut mahupun industri perkapalan adalah jelas.

UNTUK SIARAN SEGERA



JABATAN LAUT MALAYSIA

**SIARAN MEDIA
JABATAN LAUT MALAYSIA**

18 MEI 2021

"PENUTUPAN TERMINAL FERI PENUMPANG KUALA KEDAH, KEDAH DARUL AMAN DISEBABKAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI MUKIM KOTA SETAR DARI TEMPOH 19 MEI 2021 SEHINGGA 1 JUN 2021".

KUALA KEDAH – Selaras arahan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Mukim Kota Setar oleh kerajaan berkuatkuasa 19 Mei sehingga 1 Jun 2021, dimaklumkan bahawa PKPD ini melibatkan Terminal Feri Penumpang Kuala Kedah.

24 MEI 2021



JABATAN LAUT MALAYSIA

**SIARAN MEDIA
JABATAN LAUT MALAYSIA**

**NOTIS PENUTUPAN IBU PEJABAT LAUT,
JABATAN LAUT MALAYSIA PELABUHAN KLANG**

PELABUHAN KLANG – Dimaklumkan bahawa Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia Pelabuhan Klang akan ditutup kepada semua pelanggan bermula pada **24 Mei 2021 - 26 Mei 2021 (Isnin - Rabu)** berikutan 2 orang kakitangan Ibu Pejabat Laut telah didapati positif Covid-19.

KEMPEN 10 MINIT MEMBACA
DIKALANGAN PEGAWAI DAN
KAKITANGAN JABATAN LAUT MALAYSIA



DIALUKAN-ALUKAN KEPADA SEMUA
PEGAWAI DAN KAKITANGAN JLM
YANG BERMINAT UNTUK BERKONGSI
CERPEN PENDEK, NUKILAN RINGKAS
DAN BERKARYA UNTUK
DIMASUKKAN KE DALAM BULETIN
JABATAN LAUT MALAYSIA.

FAKTA APA ITU VAKSIN?...

WHO
WHEN
WHERE
HOW
WHAT
WHY

- Vaksin mengandungi antigen, yang diperolehi dari sebahagian atau keseluruhan struktur virus atau bakteria yang telah dimatikan atau dilemahkan. Antigen dalam vaksin berfungsi untuk merangsang sistem daya lawan jangkitan (sistem imuniti) tubuh membentuk imuniti terhadap jangkitan penyakit khusus.
- Keberkesanan vaksin tidaklah 100%. Tindakbalas tubuh seseorang terhadap vaksin adalah berbeza-beza, dan terdapat kemungkinan sesetengah orang tidak menghasilkan tindakbalas imun yang mencukupi terhadap vaksin yang diambil. Hasilnya, individu seperti ini tidak dilindungi dengan berkesan. Terdapat vaksin yang memerlukan dos tambahan (booster) untuk membantu menguatkan imuniti terhadap penyakit tertentu. Perlindungan yang diperolehi dari vaksin adalah lebih baik dari tiada perlindungan langsung.





Tips Merawat Tekanan & Membuang Stress Jauh dari Kehidupan Anda

Tanggalkan topeng anda –



Cukuplah berpura-pura. Biar orang disekeliling anda melihat anda sebenar, tidak sempurna, aneh, pelik, cantik dan betapa istimewanya anda. Itu sudah cukup. Tidak perlu lagi memikirkan apa pandangan orang lain.



Percaya pada gerak hati –

Kita tak perlu untuk menerangkan kepada orang lain tentang isi hati kita. Percayakan kepada bisikan hati kita kerana ia selalunya tahu apa yang terbaik untuk kita.

Lepaskan pemikiran yang tidak menyenangkan –



Pada saat ini, fikiran sedang menetapkan hala tuju untuk hari anda. Pilih pemikiran yang membawa kepada sesuatu yang paling anda ingini untuk hari ini.



Tegas membuat keputusan apa yang penting dan apa yang tidak –

Tekanan atau stress berpunca daripada bagaimana kita memberi reaksi, bukan daripada kehidupan kita. Pengertian untuk setiap perkara dalam hidup kita adalah diberikan oleh anda sendiri. Ketenangan jiwa bermula disaat anda memilih untuk sedar, dengan tidak membiarkan orang lain atau sesuatu peristiwa untuk menguasai emosi kita.

Ambil nafas dalam-dalam apabila kita memerlukannya –



Anda tidak perlu menyelesaikan setiap masalah dalam hidup untuk menikmati hidup yang aman.



Menjaga kewarasan dan rasional kita –

Kadang-kadang kita perlu mengatakan “tidak” kepada perkara-perkara yang baik untuk dapat untuk mengatakan “ya” kepada perkara-perkara penting. Kita tidak dapat melakukan semuanya.

Kita harus sentiasa sedar dan membuat pilihan dengan bijak.



Amalkan rasa syukur –

Jika kita mencari sebab untuk jadi pemarah, kita akan mendapat sebab untuk itu. Lihatlah sebaliknya, cari sebab-sebab untuk bersyukur, dan lihatlah ia di mana-mana. Ingatkan diri kita bagaimana kita bernasib baik masih lagi bernafas pada masa ini di sini, sekarang. Lebih banyak kita menghargainya, ia akan menjadi lebih baik.



Fokus kepada perkara positif –

Pemikiran positif bukanlah mengharapkan yang terbaik berlaku setiap masa – ia mengenai menerima apa yang berlaku dalam setiap masa, dan membuat yang terbaik terhadapnya.

RESEPI HARIMAU MENANGIS



***DAGING HARIMAU MENANGIS
DAA...**



Bahan-bahan:-

2kg daging harimau menangis (dipotong kecil atau mengikut kesukaan)
5 sudu besar sos cili
5 sudu besar sos tiram
6 sudu besar sos lada hitam
6 sudu besar sos ikan/ kicap biasa
1½ sudu besar lada hitam (ditumbuk)
2 sudu gula
1 sudu kecil garam
½ cawan minyak masak

Air asam jawa:

Segenggam asam jawa
1 cawan air suam
3 sudu sos ikan
1 biji limau nipis
1 keping gula melaka (ditumbuk halus)
10 biji cili api tumbuk halus (boleh tambah jika mahu lebih pedas)
8 biji bawang merah kecil (dihiris nipis)
Beras disangrai (digoreng tanpa minyak dan tumbuk halus)
Daun ketumbar (dipotong halus)
Garam

Cara Penyediaan

- 1 Campur kesemua bahan di atas kecuali minyak masak dalam 30 minit.
- 2 Kemudian, tuangkan minyak masak dan gaul sebati.
- 3 Perap lagi dalam 2 jam dan sedia untuk dibakar.
- 4 Untuk air asam, campurkan air suam dan asam jawa.
- 5 Campurkan air asam jawa, sos ikan, gula melaka, cili api, bawang merah, beras dan daun ketumbar dalam satu bekas.
- 6 Tambah sedikit air jika adunan nampak terlalu pekat.
- 7 Perah sedikit limau nipis.
- 8 Perasakan dengan sedikit garam.
- 9 Sedia untuk dihidang.

SIAPPP!!!



SELAMAT MENCUBA!